

0725

B 8207 AAB
LEAD PENJARA - PENYIASAT

KUALA LUMPUR, 15 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, BELIAU TELAH MENERIMA LAPORAN AWAL MENGENAI BEKAS BANDUAN, ABDULLAH ANG, YANG DIDAPATI BERGERAK BEBAS SEMASA DALAM TAHANAN DI PENJARA KAJANG.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI BERKATA, LAPORAN ITU SEDANG DITELITI SEBELUM TINDAKAN LANJUT DIAMBIL.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA TAMADUN MELAYU KEDUA DI SINI. PERDANA MENTERI DITANYA MENGENAI HASIL PERTEMUANNYA DENGAN TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI DATUK MEGAT JUNID MEGAT AYUB PAGI INI MENGENAI ISU ITU.

SEMENTARA ITU, DATUK MEGAT JUNID MEMBERITAHU PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS PERTEHUAN ITU, SATU JAWATANKUASA PENYIASAT PERINGKAT KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN) DITUBUHKAN UNTUK MENKGAJI BEBERAPA KELEHAHAN DALAM SISTEM PENJARA EKORAN ISU ITU.

BELIAU BERKATA, JAWATANKUASA ITU DIKETUAI OLEH TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (I) KDN, HAJI WAN AWANG WAN YAACOB DAN DIANGGOTAI OLEH PEGAWAI KANAN PERSEKUTUAN KDN, SETIAUSAHA BAHAGIAN ++ KDN DAN KETUA PENOLONG SETIAUSAHA +A1+ KDN SEBAGAI SETIAUSAHA. -- LAGI.

1737MST 15 08 89

0725

B 6208 AAB
LEAD PENJARA - PENYIASAT 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, JAWATANKUASA ITU DITUBUHKAN KERANA PIHAKNYA TIDAK BERPUAS HATI DENGAN LAPORAN OLEH JAWATANKUASA PENYIASAT PERINCKAT JABATAN PENJARA, YANG DIANGGOTAI OLEH TIMBALAN KETUA PENGARAH (I) HAJI ABDUL RAHMAN MOHD ALI, TIMBALAN KETUA PENGARAH (II) MOHD NAZRI MOHD KUSHAIRY, PENGARAH KESELAHATAN SHAMSUDDIN TAN SRI MURAD DAN PENGARAH PEMULIHAN RAJA GHAZALI RAJA NGAH ALI.

JAWATANKUASA PENYIASAT PERINCKAT JABATAN PENJARA MENYERAHKAN LAPORAN PETANG SEMALAM DAN DIPANGGIL SEMULA PAGI INI UNTUK MEMBERI KETERANGAN LANJUT KEPADA DATUK MEGAT JUNID DAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KDN.

+JAWATANKUASA ITU AKAN MENJALANKAN PENYIASATAN LANJUT KE ATAS KELEMAHAN-KELEMAHAN ITU DAN DIKEHENDAKI MENGEMUKAKAN PERAKUAN TERTENTU KEPADA SAYA SECEPAT MUNGKIN,+ KATANYA.

HENURUTNYA, PENUBUHAN JAWATANKUASA ITU TELAH DIPERSETUJUI OLEH DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG MAHU TINDAKAN WAJAR DIAMBIL KE ATAS MEREKA YANG DIDAPATI TERBABIT DENGAN SEBARANG PENYELEWENGAN SEHINGGA BERLAKU ISU ABDULLAH ANG.

+PERDANA MENTERI TELAH MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK AKAN MELINDUNGI SESIAPA YANG MENYELEWENG DAN AKAN MENGENAKAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG JIKA DIDAPATI BERSALAH,+ KATANYA. -- LAGI.

1741MST 15 08 89

D726

B 8209 AAB
LEAD PENJARA - PENYIASAT 3 KUALA LUMPUR

DATUK MEGAT JUNID BERKATA JAWATANKUASA PENYIASAT KDN AKAN MENGIKUTI GARIS PANDUAN YANG DITETAPKAN IAITU:

+ DENGAN BERPANDUKAN LAPORAN JAWATANKUASA PENYIASAT JABATAN PENJARA, JAWATANKUASA INI DIKEHENDAKI MENJALANKAN PENYIASATAN LANJUT UNTUK MENENTUKAN KEPINCANGAN DAN KELEMAHAN TENTANG PENGENDALIAN PROGRAM PEMILIHAN BAGI BANDUAN-BANDUAN PRA-BEBAS=

+ JAWATANKUASA DIKEHENDAKI MENKAJI APA YANG DIKATAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN ISTIMEWA YANG DIBERIKAN KEPADA BANDUAN TERTENTU SEPERTI YANG DILAPORKAN DALAM AKHBAR NEW STRAITS TIMES BERTARIKH 15 OGOS, DAN

+ MEMPERAKUKAN LANGKAH-LANGKAH TERTENTU YANG PERLU DIAMBIL UNTUK MEMBETULKAN KEADAAN DAN JUGA TINDAKAN TERHADAP MANA-MANA PIHAK YANG DIDAPATI BERSALAH.

DATUK MEGAT JUNID BERKATA ANTARA PERKARA DALAM LAPORAN SETEBAL LIMA MUKA JABATAN PENJARA-YANG MENJADI TANDA TANYA, IALAH= BERAPA KALI ABDULLAH ANG DIBENARKAN PERGI KE KUALA LUMPUR UNTUK MENYELESAIKAN HASALAH PERIBADI= KANAPA TIDAK DIKAWAL OLEH WARDER SEMASA BERADA DI LUAR KAWASAN PENJARA= ATAU ADAKAH IA BERLAKU HANYA PADA HARI GAMBARNYA DIAMBIL OLEH JURUGAMBAR AKHBAR= KENAPA TIDAK MEMAKAI PAKAIAN BANDUAN IAITU BAJU PUTIH DAN SELUAR PENDEK BERWARNA COKELAT SEMASA KELUAR BEKERJA.

KATANYA, 'SEPERKARA LAGI IALAH KENAPA ABDULLAH ANG DIMASUKKAN KE DALAM SKIM PRA-BEBAS TERLALU AWAL IAITU SEBELUM MENAMATKAN 2/3 TEMPOH TAHANAN DI PENJARA. ABDULLAH ANG DIHUKUM PENJARA EMPAT TAHUN KERANA KESALAHAN PECAH AMANAH PADA 12 DIS 1986 DAN MENGIKUTI SKIM PRA-BEBAS PADA 28 MAC 1988. -- LAGI.

1744MST 15 0 8 8 9

0727

B 8212 AAB
LEAD PENJARA - PENYIASAT 4 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA SETAKAT INI ENAM HINGGA TUJUH ORANG PEGAWAI PENJARA DIKENAL PASTI TERLIBAT DENGAN ISU ABDULLAH ANG DAN TINDAKAN AKAN DIAMBIL KE ATAS MEREKA BERDASARKAN LAPORAN JAWATANKUASA PENYIASAT KDN.

BAGAIMANAPUN MEREKA TIDAK DIGANTUNG DARIPADA TUGAS TETAPI HANYA DITUKARKAN KE BAHAGIAN LAIN UNTUK MEMUDAHKAN SIASATAN.

KETIKA DIMINTA MENGULAS LAPORAN SEBUAH AKHBAR HARI INI YANG MENYEBUT KONONNYA BEBERAPA BANDUAN DI PENJARA KAJANG MENDAPAT LAYANAN ISTIMEWA, DATUK MEGAT JUNID BERKATA PIHAKNYA AKAN MENYIASAT DAKWAAN ITU SEBELUM MENGAMBIL APA-APA TINDAKAN.

KATANYA, MENGIKUT PERATURAN PENJARA, SEMUA BANDUAN MENDAPAT LAYANAN YANG SAMA DAN TIDAKLAH BENAR SESETENGAH BANDUAN MENDAPAT LAYANAN ISTIMEWA DARIPADA SEGI MAKANAN, TEMPAT TIDUR ATAU DIBEKALKAN DENGAN TELEVISYEN. -- BERNAMA.

1746MST 15 08 00